

# Sisa plastik cemari sumber air, jejas pembangunan lestari

Berita HARIAN (15/12/2021) M/S 13

**Menjelang** 2022, isu pembuangan sampah ke dalam laut dan sungai masih tidak menemui penghujungnya. Longgokan sampah ditinggalkan oleh pengunjung Sungai Pisang di Selangor yang mendapat perhatian pengguna media sosial baru-baru ini, menjadi bukti bahawa rakyat Malaysia masih mempunyai mentaliti kelas ketiga.

Sikap sambalewa begini meninggalkan impak yang lebih besar kepada generasi kini dan akan datang. Malah, usaha untuk mencapai matlamat pembangunan lestari ataupun lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDG) akan menjadi bertambah sukar.

Kini, muncul pula musibah yang baharu iaitu kesan mikroplastik iaitu sejenis partikel daripada bahan plastik terhadap kesihatan manusia. Mikroplastik adalah gentian kecil bersaiz kurang lima militer. Ia adalah serpihan daripada pakaian nilon dan tekstil sintetik lain ataupun plastik. Sifat plastik itu sendiri diketahui tidak boleh terbiodegradasi dan mampu bertangkai menjadi serpihan sekecil satu nanometer.

Partikel plastik yang mengecil lama kelamaan mampu untuk merentasi sel membran hidupan laut dan manusia. Zarah plastik dalam persekitaran laut ini akan dimakan oleh plankton atau ikan dan hidupan marin yang lain. Mikroplastik terus bergerak melalui rantai makanan sehingga sampai ke hidangan di meja makan.

Kajian oleh Institut Penyelidikan Air, Majlis Penyelidikan Kebangsaan Itali menyatakan bahawa serpihan plastik ini berpotensi memberi kesan berbahaya apabila ia menyerang sel badan dan membebaskan bahan kimia yang boleh mengakibatkan barah, mutasi DNA dan memberi kesan berbahaya kepada organ penting seperti jantung, paru-paru dan buah pinggang.

Baru-baru ini, Mahkamah Agung EU mengesahkan bahawa mikroplastik yang berasaskan karbon (BPA) adalah 'bahan yang sangat membimbangkan' kerana sifatnya yang mengganggu hormon manu-

sia. Kesan bahaya BPA dibuktikan dalam beberapa kajian berkaitan obesiti, penyakit kardiovaskular, gangguan pembiakan, dan kanser payudara.

Hakikatnya, bahan mikroplastik sudah lama berada di dalam badan manusia akibat kelalaian sikap kita sendiri. Namun, masih belum terlambat untuk mengambil tindakan dan ia bermula dengan perubahan sikap.

Jangan lagi membuang sampah dan plastik ke dalam sumber air selain mengurangkan penggunaan plastik itu sendiri. Selain itu undang-undang

mengenai pembuangan sampah di kawasan perkelahan juga perlu diperketat.

Pengurangan pencemaran air amatlah penting demi mencapai matlamat pembangunan lestari yang merangkumi pemeliharaan sumber air sedia ada supaya dapat membekalkan air bersih kepada penduduk.

Perkara ini dapat membantu rakyat Malaysia menikmati bekalan air bersih dengan lancar, lantas menjanjikan kesihatan yang lebih baik kepada semua.



Timbunan sampah dan plastik dalam sungai mencemarkan sumber air.

(Foto hiasan)